



Krejipan, Murnah, Integriti

## **DASAR PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

### **UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

#### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Dasar Pembelajaran dan Pengajaran ini disediakan sebagai panduan kepada Fakulti/Pusat Pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus, iaitu pihak yang bertanggungjawab dalam merancang, menyedia dan melaksana aktiviti pembelajaran dan pengajaran (P&P) supaya dapat membantu pelajar ke arah perkembangan ilmu pengetahuan, ilmu ketenteraan, pembentukan sahsiah diri dan kemahiran berfikir dan berkomunikasi sehingga mampu bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa.
- 1.2 Dasar ini selaras dengan iltizam Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk melahirkan graduan yang mempunyai enam atribut pemimpin berketrampilan (*Leaders of Characters*). Iltizam ini dinyatakan secara jelas melalui Falsafah Pendidikan serta misi Universiti sebagaimana berikut:

#### **Falsafah Pendidikan Universiti**

Sebagai sebuah institusi nasional primier berdedikasi dalam menghasilkan pemimpin berintelektual yang menyerlah serta bersifat terpuji dan komited untuk berbakti sepenuhnya kepada Negara dalam menjayakan kelangsungan kepentingan strategik Negara.

#### **Misi Universiti**

UPNM komited mencapai kecemerlangan perkhidmatan kepada Negara sebagai sebuah universiti pertahanan primier dalam kepimpinan dan pembangunan

- profesional, penciptaan ilmu, penyebaran ilmu pengetahuan dan aplikasi sains pertahanan dan teknologi dan juga penyelidikan polisi.
- 1.3 Komponen penting dalam proses P&P bagi melengkapkan graduan dengan kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang tinggi ialah penggunaan kaedah P&P yang sesuai, efektif dan terancang berpandukan amalan P&P terbaik termasuk penggunaan teknologi secara optimum serta perkembangan falsafah pendidikan terkini.
  - 1.4 Pemakaian dasar ini adalah supaya objektif pembelajaran tercapai dan kualiti program akademik yang ditawarkan dapat dikawal selia dengan efektif dan efisyen.

## **2.0 TAKRIFAN**

- 2.1 Dalam konteks dasar ini takrifan istilah yang digunakan adalah seperti berikut:
  - 2.1.1 Universiti bermaksud Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
  - 2.1.2 Staf bermaksud Staf Akademik, Staf Pentadbiran daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Staf daripada Kumpulan Pelaksana yang dilantik oleh Universiti secara tetap, kontrak, sementara atau sambilan.
  - 2.1.3 Staf Akademik bermaksud staf Universiti yang dilantik secara tetap, kontrak, pinjaman, sementara atau sambilan ke jawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Pensyarah Muda, Guru Bahasa, Pengajar, Profesor Adjung, Kursi, Profesor Pelawat, Profesor Madya Pelawat, Pensyarah Pelawat dan Felo.
  - 2.1.4 Pelajar bermaksud seseorang yang telah menyempurnakan proses pendaftaran program akademik Universiti.
  - 2.1.5 Program Akademik bermaksud program pengajian yang terdiri daripada program Prasiswa dan Pascasiswa.

- 2.1.6 Spesifikasi Program merupakan set maklumat standard yang disediakan oleh Fakulti/Pusat Pengajian bagi setiap program yang ditawarkan. Spesifikasi program dibuat berlandaskan garis panduan kerangka kebangsaan dan standard disiplin. Spesifikasi program mengandungi hasil pembelajaran kursus, penguasaan pengetahuan serta kemahiran generik yang perlu dimiliki seseorang pelajar setelah tamat sesuatu kursus, kandungan teras kursus yang terperinci, kaedah P&P yang digunakan dan kaedah penilaian.
- 2.1.7 Pusat Akademik bermaksud pihak yang menawarkan program akademik.

### **3.0 SKOP**

- 3.1 Dasar Pembelajaran dan Pengajaran ini merangkumi skop berikut:
- 3.1.1 Jaminan Kualiti Program Akademik
  - 3.1.2 Pembangunan dan Reka Bentuk Program Akademik
  - 3.1.3 Pelaksanaan Program Akademik
  - 3.1.4 Pengujian, Pengukuran dan Penilaian
  - 3.1.5 Penambahbaikan Kualiti Berterusan Program Akademik
  - 3.1.6 Sumber Pembelajaran dan Pengajaran

### **4.0 JAMINAN KUALITI PROGRAM AKADEMIK**

- 4.1 Dalam proses pembangunan dan reka bentuk program akademik, pelaksanaan dan penambahbaikan kualiti berterusan, piawaian daripada pihak-pihak berikut perlu dipatuhi:
- 4.1.1 Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
  - 4.1.2 Agensi Kelayakan Malaysia
  - 4.1.3 Badan Profesional (jika berkaitan)

#### 4.1.4 Keperluan Pasaran dan Pemegang Taruh

### 5.0 PEMBANGUNAN DAN REKA BENTUK PROGRAM AKADEMIK

5.1 Pembangunan dan reka bentuk program akademik yang ditawarkan perlu dipastikan bertepatan dengan perkembangan terkini serta relevan dengan kehendak pemegang taruh dan badan profesional. Untuk memenuhi keperluan tersebut, Universiti bertanggungjawab melaksanakan perkara berikut:

#### 5.1.1 Pembangunan Program Akademik

- a. Mewujudkan program akademik baharu yang selaras dengan keperluan Negara dan Antarabangsa.
- b. Memastikan pembangunan program akademik sejajar dengan visi dan misi Universiti serta keperluan Negara, industri pertahanan dan Badan Profesional.
- c. Memastikan program akademik yang dibangunkan mempunyai daya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

#### 5.1.2 Reka Bentuk Program Akademik

- a. Memahami visi, misi, falsafah dan bidang tujahan Universiti.
- b. Mereka bentuk dan membangunkan program akademik berasaskan hasil. Setiap kursus perlu menetapkan Hasil Pembelajaran (*Learning Outcome*) dan Kemahiran Insaniah (KI) yang boleh diukur bagi setiap pelajar.
- c. Menggunakan Aras Bloom untuk ketiga-tiga domain dalam menulis hasil pembelajaran dengan memastikan aras rendah menjadi hasil pembelajaran pada awal pengajian pelajar dan seterusnya meningkat ke atas yang lebih tinggi apabila pelajar memasuki peringkat pengajian yang lebih tinggi.
- d. Memastikan penggunaan kaedah P&P yang bersesuaian dengan tahap pengajian pelajar serta dapat mencapai objektif dan hasil pembelajaran. Kaedah tidak tertakluk kepada penggunaan

pengajaran dalam kelas sahaja. Pembelajaran teradun merupakan asas kepada pembelajaran dan pengajaran di Universiti dengan sekurang-kurangnya 30% masa pembelajaran pelajar perlu menggunakan medium teknologi dan 70% menggunakan medium konvensional.

## **6.0 PELAKSANAAN PROGRAM AKADEMIK**

- 6.1 Pelaksanaan program akademik merupakan sistem penyampaian yang berteraskan kepada falsafah pendidikan Universiti. Oleh itu, Universiti bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut:
  - 6.1.1 Memastikan staf akademik mempunyai kelayakan yang diiktiraf.
  - 6.1.2 Mewajibkan setiap staf akademik baharu mengikuti Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran yang akan menerapkan ciri-ciri Murabbi serta kepentingan untuk graduan mempunyai enam atribut pemimpin berketrampilan.
  - 6.1.3 Memastikan staf akademik diberi latihan P&P dari semasa ke semasa.
  - 6.1.4 Memastikan bahasa pengantar bagi aktiviti P&P ialah Bahasa Inggeris berdasarkan keperluan graduan yang akan berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia dan agensi pertahanan yang lain di samping memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu.
  - 6.1.5 Memastikan pelaksanaan program akademik adalah berfokuskan pelajar (*Student-Centred Learning – SCL*) menerusi pembelajaran berdasarkan hasil (*Outcome-Based Learning – OBL*).
  - 6.1.6 Memastikan sistem e-Pembelajaran Universiti digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran dengan memuat naik bahan-bahan pengajaran yang berkualiti (dibaca bersama Dasar e-Pembelajaran UPNM).
  - 6.1.7 Memastikan penilaian pengajaran dijalankan atas staf akademik.

6.1.8 Memastikan penyeliaan projek ilmiah, latihan industri dan latihan mengajar dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan Universiti.

## **7.0 PENGUKURAN DAN PENILAIAN**

7.1 Pengukuran dan penilaian dilakukan sepanjang tempoh pelaksanaan sesuatu kursus agar akhirnya hasil pembelajaran kursus berkenaan dikuasai oleh setiap pelajar. Untuk memenuhi syarat ini, Universiti bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut:

- 7.1.1 Memastikan instrumen pengujian, pengukuran dan penilaian digunakan selaras dengan hasil pembelajaran.
- 7.1.2 Memastikan setiap pelajar melalui proses pengukuran dan penilaian.
- 7.1.3 Memastikan elemen Kemahiran Insaniah (KI) yang ditetapkan bagi sesuatu kursus disampaikan, ditaksir dan dipantau.
- 7.1.4 Memastikan setiap pelajar dimaklumkan pencapaian hasil penilaian.
- 7.1.5 Melaksanakan analisis hasil penilaian bagi tujuan penambahbaikan.

## **8.0 PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM AKADEMIK**

8.1 Untuk memastikan program akademik yang relevan memenuhi keperluan Negara, Universiti bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut:

- 8.1.1 Menyemak program akademik mengikut keperluan bagi memastikan program yang ditawarkan relevan terhadap keperluan semasa.
- 8.1.2 Memastikan penglibatan pemegang taruh dan industri dalam proses semakan program akademik.

## **9.0 SUMBER PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

9.1 Sumber P&P merujuk kepada keperluan ruang yang kondusif, perpustakaan yang sesuai, teknologi maklumat dan sumber manusia yang akan menyokong proses P&P yang berkesan. Universiti bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut;

### **9.1.1 Ruang**

- a. Memastikan setiap ruang P&P dilengkapi dengan peralatan yang bersesuaian dan mencukupi bagi tujuan P&P yang kondusif.
- b. Memastikan persekitaran ruang dan peralatan P&P mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-peraturan bawah Akta tersebut.

### **9.1.2 Perpustakaan**

- a. Menyediakan ruang yang mencukupi untuk keperluan pengguna.
- b. Memastikan jadual penggunaan yang fleksibel.
- c. Memastikan sumber rujukan boleh didapati dalam pelbagai media.
- d. Memastikan bahan rujukan bersesuaian, mencukupi dan terkini untuk memenuhi permintaan pengguna.
- e. Memastikan sistem carian bahan rujukan adalah mesra pengguna.
- f. Memastikan sistem peminjaman dan pemulangan buku yang efisien.

### **9.1.3 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology – ICT*) (dibaca bersama Dasar ICT UPNM)**

- a. Menyediakan infrastruktur ICT yang berkesan bagi penggunaan P&P.
- b. Menyediakan sistem e-Pembelajaran bagi menyokong aktiviti P&P.
- c. Menyediakan sistem dalam talian bagi tujuan pengukuran dan penilaian yang menyokong e-Pembelajaran.

#### 9.1.4 Sumber Manusia

- a. Memastikan pelantikan staf mengikut peraturan yang berkuat kuasa di Universiti.
- b. Memastikan staf mengikuti latihan mengikut bidang dan keperluan yang ditetapkan oleh Universiti.
- c. Memastikan staf mematuhi kesemua peraturan dan peruntukan perundangan yang berkuat kuasa di Universiti.
- d. Memastikan staf mengamalkan etika dan nilai-nilai murni.

### 10.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

10.1 **Pusat Akademik** bertanggungjawab memantau dan menyelaras aktiviti P&P berikut:

- 10.1.1 Memastikan semua kursus mempunyai Rangka Kursus sebelum kuliah bermula.
- 10.1.2 Memastikan keselarasan hasil pembelajaran pada peringkat kursus dengan objektif dan hasil pembelajaran pada peringkat program seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi program.
- 10.1.3 Memastikan kandungan kursus adalah sesuai dengan objektif dan hasil pembelajaran program, tahap pengajian dan keperluan badan profesional atau badan akreditasi.
- 10.1.4 Mewujudkan persekitaran yang sesuai ke arah kecemerlangan dalam P&P termasuk penyediaan kemudahan fizikal, kemudahan sokongan pembelajaran, alat bantu mengajar dan lain-lain.
- 10.1.5 Merancang dan memastikan staf akademik mengikuti program latihan staf berkaitan P&P.
- 10.1.6 Menyelaras dan mengawal aktiviti P&P yang melibatkan aktiviti lapangan dan lawatan, ceramah daripada industri, ceramah kerjaya dan lain-lain.

- 10.1.7 Merancang dan mengawal pelaksanaan audit kualiti akademik, penyemakan semula kurikulum dan silibus, penilaian kursus dan program dan lain-lain.
- 10.1.8 Menggalak dan memastikan staf akademik menggunakan pelbagai kaedah P&P dalam pengendalian kursus mereka.
- 10.2 **Staf akademik** bertanggungjawab memberi khidmat P&P berkualiti tinggi yang boleh membantu perkembangan pelajar ke arah mencapai atribut pemimpin berketramilan. Untuk mencapai hasrat ini, staf akademik perlu:
- 10.2.1 Menyediakan rangka kursus bagi kursus yang dikendalikan berpandukan kepada silibus, objektif dan hasil pembelajaran kursus.
- 10.2.2 Sentiasa menyemak dan mengemas kini bahan pengajaran serta rangka kursus bagi kursus yang dikendalikan.
- 10.2.3 Mengedar ringkasan dan menjelaskan rangka kursus kepada semua pelajar yang telah mendaftar kursus tersebut pada awal semester.
- 10.2.4 Memuat naik ringkasan rangka kursus dan bahan P&P bagi kursus yang dikendalikan ke portal e-pembelajaran.
- 10.2.5 Menjalankan kuliah, tutorial, amali, penaksiran dan lain-lain aktiviti yang telah dinyatakan dalam rangka kursus pada hari, masa dan tempat yang telah ditetapkan.
- 10.2.6 Mengoptimumkan penggunaan aplikasi portal e-pembelajaran.
- 10.2.7 Memenuhi jumlah jam pertemuan bagi kursus yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam rangka kursus dan menggantikan kelas yang tidak dapat dijalankan oleh sebab-sebab tertentu seperti cuti sakit, hari kuliah jatuh pada cuti umum atau atas aktiviti Universiti yang lain.
- 10.2.8 Menggunakan pelbagai kaedah P&P yang sesuai bagi kursus tersebut.
- 10.2.9 Menggalakkan pelajar untuk memberikan pandangan dan terlibat dalam aktiviti P&P secara aktif.

10.2.10 Menggalakkan aktiviti P&P yang melatih dan memupuk kemahiran generik yang telah dikenal pasti sebagai hasil pembelajaran kursus.

10.2.11 Memperuntukkan masa yang sesuai bagi membolehkan pelajar mendapat nasihat dan bimbingan berkenaan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal akademik dan kerjaya. Jumlah waktu pertemuan dengan pelajar ini adalah ditetapkan oleh Fakulti/Pusat masing-masing, sekurang-kurangnya dua jam seminggu bagi setiap kursus.

10.2.12 Merekod kehadiran pelajar pada setiap pertemuan dan mengambil tindakan seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik bagi pelajar yang tidak hadir kuliah.

**10.3 Pelajar bertanggungjawab:**

10.3.1 Mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

10.3.2 Terhadap aktiviti pembelajaran dan perkembangan kendiri semasa di Universiti.

**10.4 Pusat Pembangunan Akademik bertanggungjawab:**

10.4.1 Memastikan semua Fakulti/Pusat Akademik mematuhi dasar yang telah disediakan dengan pemantauan berkala.

10.4.2 Memastikan semua Staf Akademik mendapat latihan P&P dengan menyediakan dan menganjurkan latihan yang berkaitan.

**11.0 KELULUSAN/PUNCA KUASA**

11.1 Pematuhan Dasar ini tertakluk kepada kelulusan Senat UPNM.

**12.0 PENUTUP**

12.1 Dasar ini akan disemak mengikut keperluan dan kehendak semasa. Universiti berhak mengubah mana-mana bahagian Dasar ini dari semasa ke semasa.